

Mahathir mahu Pemuda ketepikan soal remeh

UM -- 7 APR 2005

Oleh MARHAINI KAMARUDDIN

PUTRAJAYA 6 April — Tun Dr. Mahathir Mohamad menasihati Pergerakan Pemuda UMNO supaya mengetepikan soal remeh-temeh, sebaliknya memberi tumpuan kepada isu besar seperti memerangi rasuah dan dadah dalam perjuangan mereka memartabatkan budaya, seni dan warisan Melayu.

Bekas Perdana Menteri yang menerima kunjungan Biro Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Pemuda UMNO hari ini menegaskan, kedua-dua perkara itu merupakan masalah besar yang dihadapi orang Melayu sekarang yang sewajarnya ditangani dengan bersungguh-sungguh oleh pergerakan itu.

“Tumpuan patut diberi kepada perkara besar ini dan tidak soal (sama

ada) orang Melayu yang duduk atas kereta api itu kelakuan dia teruk atau tidak.

“Itu perkara kecil,” katanya merujuk kepada iklan Kempen Budi Bahasa memaparkan pemuda Melayu tidak prihatin di dalam koc transit aliran ringan (LRT) yang menimbulkan gesaan beberapa penyokong kerajaan supaya penyarannya dihentikan atas alasan mengaitkan orang Melayu dengan budaya kurang ajar.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan selama sejam dengan 30 ahli jawatankuasa biro berkenaan diketuai pengerusinya, Azizul Nizam Bidin di Yayasan Kepimpinan Perdana, di sini.

Ditanya mengenai usaha negara memerangi rasuah, Dr. Mahathir berpendapat, kerajaan

semasa telah melakukan yang terbaik untuk menangani masalah itu.

Sementara itu, Azizul Nizam menyifatkan pertemuan anggota pergerakan itu dengan Dr. Mahathir merupakan detik bermakna kepada Pemuda UMNO kerana memberi mereka peluang untuk merapatkan diri dengan pemimpin terbilang itu bagi mendapatkan sedikit sebanyak panduan dan nasihat.

“Terlalu banyak nasihat yang diberikan oleh Tun (Dr. Mahathir) antaranya dari segi rasuah dan soal Melayu yang telah lupa asal-usulnya di samping masalah sosial seperti rogol dan liwat.

“Pemuda bersetuju bahawa isu-isu yang remeh-temeh itu, patut letak ke tepi, sebaliknya memberi tumpuan kepada isu-isu utama untuk diperjuangkan seperti

peringatan Dr. Mahathir.

“Dr. Mahathir mengingatkan Pemuda supaya berdikari dan berpegang kepada prinsip serta jati diri dalam memperjuangkan sesuatu isu yang difikirkan baik untuk bangsa dan parti,” katanya.

Dalam hal ini, beliau berkata, Pemuda UMNO menyedari usaha membantaras rasuah tidak boleh dilakukan dalam tempoh satu malam dan memerlukan masa untuk menjayakannya.

“Kita harus melihat ke depan secara positif. Mengenai rasuah umpamanya, kita patut bermula dari dalam parti dan lebih-lebih lagi pada diri kita sendiri.

“Selepas itu baru kita bercakap dan membuat pendekatan ke hadapan. Apa pun mesti bermula dari diri kita sendiri,” tegasnya.

Azizul Nizam berkata,

peringatan Dr. Mahathir itu selaras dengan kepimpinan Pemuda yang diketuai oleh Datuk Seri Hishammuddin Hussein dan Khairy Jamaluddin yang sentiasa menekankan kepada ahli supaya bekerja seperti biasa dan pada masa yang sama menjauhi rasuah serta politik kotor.

Justeru, katanya adalah menjadi tanggungjawab biro yang diterajui beliau untuk memberi tumpuan terhadap isu-isu budaya dan warisan Melayu dari segi memberi perhatian kepada pengisian elemen itu di kalangan anggota pergerakan itu.

Pertemuan dengan Dr. Mahathir hari ini pertama kali dianjurkan oleh biro itu yang sebelum ini telah menemui Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim dan Gabungan Penulis Nasional (Gapena).